

**SPESIFIKASI TEKNIKAL**

SEBUTHARGA BIL. 4/2018:

**PERKHIDMATAN PENERBITAN LAPORAN PELAN TINDAKAN BERSEPADU PKS (SMEIPA) 2018**

Garis panduan ini adalah untuk pembekal yang ingin menawarkan sebut harga bagi Kerja-kerja Merekabentuk, Penulisan, Penyuntingan, *Proof Reading* dan *Copywriting*, Penerbitan dan Percetakan bagi Laporan Bertajuk "**Penerbitan Laporan Pelan Tindakan Bersepadu PKS (SMEIPA) 2018 dan Ringkasan (Snapshot) SMEIPA 2018**".

Secara am, buku ini terbahagi kepada enam (6) bahagian utama iaitu:

- a) Penerapan Inovasi dan Teknologi;
- b) Pembangunan Modal Insan;
- c) Akses Kepada Pembiayaan;
- d) Akses kepada Pasaran;
- e) Infrastruktur; dan
- f) Persekutuan, Perundangan dan Kawalselia.

BIL.	BUTIRAN KERJA	PEMATUHAN (Sila ✓ atau X)
1.	Pembekal adalah dikehendaki menyediakan perkhidmatan kepada SME Corporation Malaysia (SME Corp. Malaysia) yang meliputi perkara-perkara berikut: <ul style="list-style-type: none"><li>i. Menyediakan konsep kreatif dan reka bentuk;</li><li>ii. Menyediakan penulisan;</li><li>iii. Melaksanakan kerja-kerja Penyuntingan dan <i>Proof Reading</i>; dan</li><li>iv. Mencetak dan membekal sebanyak 300 naskah buku versi Bahasa Inggeris</li><li>v. Mencetak dan membekal sebanyak 350 naskah ringkasan (<i>snapshot</i>) versi Bahasa Inggeris</li></ul>	<input type="checkbox"/>
2.	<b>Kerja-kerja Penulisan, Penyuntingan, <i>Proof Reading</i> dan <i>Copywriting</i></b> <ul style="list-style-type: none"><li>a) Pembekal perlu memastikan pelaksanaan <i>copywriting</i> untuk penulisan dengan menggunakan enam (6) bidang tumpuan. Bidang tumpuan dan kerangka isi kandungan pelaporan adalah seperti berikut (tetapi tidak terhad):<ul style="list-style-type: none"><li>- Penerapan inovasi dan teknologi;</li><li>- Pembangunan modal insan;</li></ul></li></ul>	<input type="checkbox"/>

BIL.	BUTIRAN KERJA	PEMATUHAN (Sila ✓ atau X)
	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Akses kepada pembiayaan;</li> <li>- Akses kepada pasaran; dan</li> <li>- Infrastruktur;</li> <li>- Persekitaran, Perundangan dan Kawalselia</li> <li>- Anggaran sebanyak 250 muka surat.</li> </ul> <p>b) Menyemak dan memastikan tiada kesalahan dari segi ejaan dan data-data pada graf / histogram / carta/ jadual laporan dan lain-lain.</p> <p>c) Pihak SME Corp. Malaysia akan <b>MENOLAK</b> keluaran yang mempunyai <b>KESALAHAN</b> disebabkan kerja-kerja <i>proof read</i> yang tidak sempurna;</p> <p>d) Pembekal perlu mengenal pasti seorang kakitangan yang akan bertanggungjawab mengenai <i>quality control</i>; dan</p> <p>e) Pembekal perlu menyerahkan draf <i>softcopy</i> dalam bentuk <i>Ms Word</i> berserta graf dan jadual.</p>	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
3.	<p><b>Penulis</b></p> <p>a) Kelayakan Pendidikan</p> <p>Penulis hendaklah mempunyai ijazah di dalam Komunikasi Massa dengan pengkhususan kewartawanan atau yang setaraf dengannya.</p> <p>b) Pengalaman</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>– Mempunyai pengalaman menulis sekurang-kurangnya selama 15 tahun;</li> <li>– Mempunyai pengalaman bertugas sebagai editor atau penulis bagi buku laporan tahunan / penulisan khas atau speksifik dan majalah ekonomi; dan</li> <li>– Mempunyai pengalaman dalam penulisan berkaitan industri dan perdagangan (contohnya MITI, MIDA, MATRADE, EPU dan sebagainya).</li> </ul> <p>c) Penyerahan resume penulis hendaklah dikemukakan bersama.</p>	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>

BIL.	BUTIRAN KERJA	PEMATUHAN (Sila ✓ atau X)
4.	<p><b>Pereka Grafik</b></p> <p>a) Kelayakan Pendidikan</p> <p>Pereka grafik hendaklah sekurang-kurangnya mempunyai diploma di dalam <i>Art &amp; Design (Graphic Design / Visual Communication)</i> dengan pengkhususan penerbitan dan yang setaraf dengannya;</p> <p>b) Pengalaman</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mempunyai pengalaman membuat grafik sekurang-kurangnya 10 tahun;</li> <li>- Mempunyai pengalaman merekabentuk sekurang-kurangnya 10 penerbitan; dan</li> <li>- Syarikat mempunyai studio yang lengkap dengan kemudahan untuk membuat rekabentuk.</li> <li>- Penyerahan resume pereka grafik hendaklah dikemukakan bersama.</li> </ul>	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
5.	<p><b>Kelulusan Deraf Akhir</b></p> <p><b>Draf akhir – Mock Up</b> perlu mendapat kelulusan SME Corp. Malaysia untuk tujuan percetakan sebelum <b>25 Mei 2018 (Jumaat)</b>.</p>	<input type="checkbox"/>
6.	<p><b>Konsep Kreatif Dan Reka Bentuk</b></p> <p>a) <b>Penyediaan kreatif dan Reka bentuk</b></p> <p>Pembekal hendaklah memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi di dalam penyediaan buku “Laporan Pelan Tindakan Bersepadu PKS (SMEIPA) 2018”:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyediakan <b>LAPAN (8)</b> pilihan <b>KONSEP KREATIF</b> bagi <b>REKA BENTUK KULIT BUKU</b> yang dapat memaparkan isi kandungan buku (tertakluk kepada kelulusan pihak pengurusan SME Corp. Malaysia);</li> </ul> <p>Perlu mendapatkan kelulusan SME Corp. Malaysia bagi tujuan percetakan <b>sebelum 25 Mei 2018 (Jumaat)</b>.</p>	<input type="checkbox"/>

BIL.	BUTIRAN KERJA	PEMATUHAN (Sila ✓ atau X)
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Konsep reka bentuk yang dicadangkan perlu juga mengambil kira imej dan peranan SME Corp. Malaysia sebagai Agensi Penyelaras Pusat program pembangunan PKS di Malaysia;</li> <li>• <b>Menyediakan reka bentuk bagi setiap muka surat;</b></li> <li>• Menyediakan konsep kreatif, <i>type setting</i>, reka bentuk dalaman bagi setiap muka surat yang meliputi isi kandungan, pembahagi muka surat, graf, jadual, imej dan lain-lain yang berkaitan; dan</li> <li>• Menyediakan graf / grafik yang bersesuaian dengan isi kandungan laporan. Graf / Grafik haruslah menarik, kreatif dan seragam. Penggunaan warna dan saiz graf / grafik haruslah tidak terlalu menonjol dan besar.</li> </ul>	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
7.	<p><b>Spesifikasi Buku:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kulit : Matt Art Card 380 gsm / Saiz B5</li> <li>• Isi kandungan : 100 gsm paper size</li> <li>• Ukuran : B5</li> <li>• Cetakan : 4 warna <i>matt Lamination</i> (kulit dan dalam)</li> <li>• Muka surat : 250</li> <li>• Jilid : Jahit</li> <li>• Jumlah Cetakan: 300 naskhah versi Bahasa Inggeris</li> <li>• Kemasan : <i>Matt lamination, Embossed &amp; Spot UV</i></li> <li>• Separator : Colour</li> </ul>	<input type="checkbox"/>
8.	<p><b>Gambar</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Gambar yang bersesuaian perlu disediakan oleh Pembekal.</li> <li>• SME Corp. Malaysia hanya akan menyediakan gambar yang terdapat di dalam simpanannya.</li> </ul> <p>Sekiranya pembekal ingin menggunakan imej daripada <i>image bank</i>, kos penggunaan imej tersebut akan ditanggung oleh pembekal.</p>	<input type="checkbox"/>

BIL.	BUTIRAN KERJA	PEMATUHAN (Sila ✓ atau X)
9.	<p><b>Spesifikasi Ringkasan / Snapshot:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Saiz : A3</li> <li>• Lipatan : 3 Lipatan</li> <li>• Cetakan : Warna bahagian depan dan belakang</li> <li>• Kemasan : <i>Matt lamination, Embossed</i> dan <i>spot UV</i></li> <li>• Rekabentuk: graf / grafik, jadual dan carta pai</li> <li>• Jumlah Cetakan : 350 naskhah versi Bahasa Inggeris</li> </ul> <p>Pembekal juga dikehendaki mencetak 100 unit sebagai pelaporan peringkat awal untuk edaran di dalam mesyuarat tertinggi pembangunan PKS pada tarikh yang akan maklumkan.</p> <p>Sekiranya pembekal ingin menggunakan imej daripada <i>image bank</i>, kos penggunaan imej tersebut akan ditanggung oleh pembekal.</p>	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
10.	<p><b>Visual Mock-Up</b></p> <p>Pembekal adalah dikehendaki memastikan pelaksanaan perkara-perkara seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyediakan visual <i>mock up / dummy</i> yang akan disemak oleh SME Corp. Malaysia. Jumlah <i>mock up</i> adalah bergantung kepada proses penyediaan dan kesempurnaan kerja yang dihasilkan;</li> <li>• Menyediakan lima (5) set <i>mock up / dummy</i> buku Laporan bagi tujuan semakan sebelum proses mencetak;</li> <li>• Menyediakan pruf terakhir iaitu <i>Colour proof</i> bagi kulit buku dan pembahagi muka surat (sekurang-kurangnya 10 muka surat) yang perlu dipersetujui oleh SME Corp. Malaysia. <i>Colour proof</i> perlu dibuat menggunakan cetakan dari filem;</li> <li>• SME Corp. Malaysia berhak menolak <i>colour proof</i> yang dirasakan tidak berkualiti; dan</li> <li>• Menyedia dan memastikan filem untuk cetakan selepas bukti terakhir disimpan dalam keadaan selamat dan baik untuk percetakan semula jika perlu;</li> </ul>	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>

BIL.	BUTIRAN KERJA	PEMATUHAN (Sila ✓ atau X)
11.	<p><b>Percetakan dan Pembekalan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mencetak dan membekalkan 300 naskhah bagi versi Bahasa Inggeris “Laporan Pelan Tindakan Bersepadu PKS (SMEIPA) 2018”;</li> <li>• Mencetak dan membekalkan 350 naskhah snapshot bagi versi Bahasa Inggeris “Laporan Pelan Tindakan Bersepadu PKS (SMEIPA) 2018”;</li> <li>• Menyerah bahan terbitan yang telah siap dalam tempoh yang ditetapkan;</li> <li>• Menyerahkan dua salinan master copy – (fail yang boleh digunakan semula / menghasilkan filem); dan</li> <li>• Kebolehan mencetak Laporan ini dalam jangkamasa lima (5) hari bekerja selepas mendapat kelulusan deraf akhir daripada pihak pengurusan SME Corp. Malaysia.</li> <li>• Sebarang bahan pencetakan SMEIPA 2018 adalah milik SME Corp. Malaysia dan tidak boleh dicetak untuk kegunaan pihak lain. Sebarang <i>Soft Copy</i> bahan bercetak dan rekabentuk SMEIPA 2018 juga hendaklah diserahkan kepada SME Corp. Malaysia.</li> </ul>	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
12.	<p><b>SYARAT</b></p> <p>Pembekal perlulah mematuhi syarat-syarat seperti berikut:</p> <p>a) Mengemukakan perkara-perkara seperti di bawah semasa menawarkan sebut harga.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sekurang-kurangnya lima (5) set visual mock up kepada SME Corp. Malaysia yang mengandungi perkara-perkara berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Reka bentuk muka depan;</li> <li>- Reka bentuk muka belakang;</li> <li>- Reka bentuk <i>separator</i>;</li> <li>- Reka bentuk <i>Table of Content</i>; dan</li> <li>- Reka bentuk isi kandungan yang meliputi graf / grafik, jadual dan carta pai.</li> </ul> </li> </ul>	<input type="checkbox"/>

BIL.	BUTIRAN KERJA	PEMATUHAN (Sila ✓ atau X)
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dua (2) contoh penerbitan laporan / majalah yang pernah disediakan oleh pembekal; dan</li> <li>• Tiga (3) contoh kertas dan contoh fail PDF yang dicadangkan.</li> </ul>	<input type="checkbox"/>
b)	Pemilihan pembekal akan dibuat berdasarkan pematuhan kepada semua kriteria yang ditetapkan. Hanya pembekal yang berjaya sahaja akan dihubungi.	<input type="checkbox"/>
c)	<p>Pihak SME Corp. Malaysia berhak menamatkan kontrak yang diberi kepada pembekal pada bila-bila masa sekiranya:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>– Tidak mematuhi jadual pengeluaran yang ditetapkan;</li> <li>– Tidak memenuhi skop kerja yang telah dipersetujui;</li> <li>– Tidak membekalkan bahan mengikut spesifikasi, contohnya seperti jenis kertas; dan</li> <li>– Apa-apa sahaja yang diistilahkan sebagai melanggar syarat.</li> </ul>	<input type="checkbox"/>
d)	Pembekal wajib mempunyai keupayaan untuk mencetak buku ini didalam jangka masa yang sangat singkat.	<input type="checkbox"/>
e)	Bayaran akan dibuat setelah pihak SME Corp. Malaysia berpuas hati dengan perkhidmatan yang disediakan dan setelah menerima invois daripada pihak pembekal.	<input type="checkbox"/>

(sila kemukakan kertas tambahan sekiranya terdapat sebarang Catatan tambahan yang ingin dikemukakan bagi menyokong tawaran)

**Saya / Kami memperakui maklumat yang diberikan adalah benar.**

.....  
Nama : .....

Jawatan : .....

Tarikh : .....

Cop Syarikat :